



AGENSİ PENGURUSAN BENCANA NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI

KENYATAAN MEDIA

MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA PUSAT (JPBP)

BILANGAN 3/2022

1. Petang ini YAB Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri telah mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat Bilangan 3 bagi tahun 2022.
2. Mesyuarat pada hari ini turut dihadiri YB Datuk Armizan bin Mohd Ali, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-Tugas Khas), Setiausaha Kerajaan Negeri selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) dan Agensi-agensi Teknikal serta Agensi-agensi Tindak Balas.

STATUS SITUASI TERKINI MTL 2022/2023

3. Menurut pembentangan MET Malaysia, MTL 2022/2023 yang telah bermula sejak 7 November 2022 lalu dijangka akan berhadapan dengan 4 hingga 6 episod luruan monsun yang membawa hujan lebat berterusan. Kawasan yang diramal akan terkesan ialah timur Semenanjung, barat Sarawak dan timur Sabah. Sekiranya luruan monsun adalah kuat dan/atau wujud sistem cuaca tekanan rendah, hujan monsun akan meluas hingga ke pantai barat Semenanjung.
4. Sehingga hari ini, lima (5) siri Amaran Hujan Berterusan telah dikeluarkan MET Malaysia dan episod hujan lebat pertama telah berlaku pada tempoh 7 hingga 12 Disember yang lepas. Hujan berterusan yang seterusnya dijangka akan berlaku di pantai timur Semenanjung dan timur Sabah bermula 17 Disember 2022. Pada masa yang sama ribut petir berserta hujan lebat dan angin kencang diramal berlaku di barat Semenanjung, pedalaman Sarawak serta barat Sabah pada sebelah petang dan awal malam .
5. Menurut pelaporan NADMA, sejak bermula MTL 2022/2023 pada 7 November yang lalu, sehingga 12 Disember sejumlah 10,990 orang mangsa dilaporkan telah terkesan banjir dan sebanyak 153 Pusat Pemindahan Sementara (PPS) telah diaktifkan.
6. Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah mengenalpasti kawasan-kawasan yang berisiko bencana iaitu 4,795 lokasi berisiko banjir, 186 lokasi berisiko berlakunya kejadian kepala air dan 254 lokasi cerun kritikal yang berpotensi terjadinya kejadian tanah runtuh.

KESIAPSIAGAAN

7. Selaku Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP) NADMA bertanggungjawab memastikan semua pihak yang terlibat dalam pengurusan bencana disemua peringkat bersedia menghadapi MTL dari aspek perancangan, tindak balas dan fasa peredaan serta pemulihan.
8. Mesyuarat JPBP menjadi platform untuk menetapkan dasar dan hala tuju pengurusan bencana MTL dan arahan kesiapsiagaan turut dikeluarkan kepada semua Agensi Kerajaan dan Kerajaan Negeri. Manakala Mesyuarat *Task Force* Persediaan Menghadapi MTL 2022/2023 diadakan bertujuan untuk menyelaraskan dan menyelesaikan isu-isu yang berkaitan dengan pengurusan MTL 2022/2023.
9. Polis Diraja Malaysia (PDRM) turut mengadakan Mesyuarat Persediaan Pusat Kawalan Tempat Kejadian (PKTK) pada 12 Oktober 2022 bagi menyelaraskan operasi-operasi menyelamatkan di lapangan. Kekuatan sumber manusia agensi tindak balas (PDRM, ATM, JBPM, APM dan RELA) diseluruh negara adalah 69,754 orang dan disokong dengan ketersediaan logistik iaitu 1,848 bot, 1,827 kereta 4x4, 1,967 lori dan 46 aset udara.
10. Penyelarasan kesiapsiagaan turut dilaksanakan menerusi Mesyuarat JPBN dan JPBD bagi memastikan persiapan di peringkat Negeri dan Daerah lebih terselaraskan. Mesyuarat Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Pusat turut diadakan sepanjang MTL 2022/2023 termasuk Mesyuarat Khas PKOB Pusat bersama mantan YAB Perdana Menteri pada 10 November 2022 bagi memantau situasi bencana semasa dan memastikan usaha menyelamatkan dan bantuan kebajikan teratur dan sistematik.
11. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) turut bersiapsiaga dengan Infrastruktur Hidromekanikal iaitu 256 rumah pam dan 1,589 pintu air. JPS turut mempunyai kemudahan 284 pam bergerak yang telah diagihkan keseluruh Malaysia bagi membantu kerja-kerja pengeringan air banjir.
12. Program *Community-Based Disaster Risk Management* (CBDRM) telah dijalankan di seluruh Malaysia dengan melibatkan wakil Komuniti dari pelbagai latar belakang. Pengisian program ini menjurus ke aras pemeraksanaan komuniti dalam mendepani bencana, terutama sekali dalam tindakan sebagai *initial responder* ketika berhadapan bencana. Selain NGO Rakan NADMA, wakil NGO di peringkat negeri turut dilibatkan bagi memastikan mesej CBDRM dapat disampaikan secara menyeluruh.
13. Bagi tempoh Januari sehingga November 2022, seramai 22,991 peserta telah terlibat dalam Program CBDRM. Mereka ini terdiri daripada 839 orang Ketua Komuniti, 1,031 peserta Komuniti Luar Bandar, 1,944 peserta Komuniti Umum, 18,715 peserta Komuniti Belia dan 462 wakil Komuniti NGO.

14. Bagi meningkatkan pemahaman Arahan MKN No. 20, NADMA juga telah mengadakan 26 sesi libat urus bersama JPBN,JPBD, PKOB dan PKTK. Sesi libat urus merupakan tindakan serampang dua mata iaitu selain memberikan bantuan *intervention* dan *consultation* di PKOB, sesi ini turut menjadi platform inspektorat dalam menilai kecekapan pengurus bencana.
15. Usaha kesiapsiagaan NADMA turut melibatkan penganjuran Bengkel Latih Amal Persediaan Monsun Timur Laut 2022/2023 yang telah diadakan mengikut Zon dan dihadiri Pegawai-Pegawai Daerah serta Agensi-Agensi Tindak Balas di peringkat Daerah.
16. Susulan peningkatan trend kejadian dan magnitude bencana (banjir), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menyediakan 7,906 PPS yang boleh menempatkan 1,977,242 orang mangsa di seluruh Malaysia.
17. Bagi memastikan kelancaran di peringkat pengurusan, pihak NADMA telah mengagihkan peruntukan awal iaitu;
 - i. Peruntukan Pengurusan Pengoperasian Bencana MTL 2022/2023 bagi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) kepada 160 daerah sebanyak RM8 juta;
 - ii. Peruntukan Pengurusan Pengoperasian Bencana MTL 2022/2023 bagi Agensi Pengurusan Bencana kepada 8 Agensi dan Sekretariat JPBN sebanyak RM1.08 juta;
 - iii. Peruntukan bagi Kerja-kerja Penyelenggaraan dan Pembaikan PPS di Seluruh Negara (Fasa 1) berjumlah RM2.6 juta; dan
 - iv. Perolehan Bot Fiber Enjin dan Jacket Keselamatan bagi Pemerkasaan Komuniti MTL 2022/2023 berjumlah RM4.8 juta.
18. Kesemua peruntukan yang telah disalurkan adalah selaras dengan keprihatinan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri dan Agensi Tindak Balas Bencana bagi mengurangkan kesukaran dalam menguruskan bencana MTL saban tahun dan memastikan kebajikan rakyat yang terjejas sentiasa terpelihara.

PENGLIBATAN BADAN BUKAN KERAJAAN DALAM OPERASI BENCANA

19. Budaya kesiapsiagaan di kalangan rakyat perlu melibatkan kerjasama bersepadu semua agensi kerajaan bermula dari peringkat pusat, negeri dan daerah serta pihak swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), termasuk orang perseorangan. Antara kerjasama yang telah berlangsung adalah;
 - i. Penyaluran maklumat awal (Amaran Bencana) bersama syarikat telekomunikasi (TELCO) sejak tahun 2019.
 - ii. Pengumpulan maklumat di lapangan yang dikongsikan pihak NGO melalui platform NADMA serta bantuan makanan dan perkhidmatan pasca bencana.
 - iii. Sumbangan derma, peralatan dan bantuan makanan daripada Syarikat-syarikat swasta untuk kegunaan semasa operasi menyelamatkan.

- iv. Projek sumbangan pakaian secara tersusun dan sistematik melalui Program *Clothing Bank for Disaster Relief* oleh PUSPANITA Jabatan Perdana Menteri.
- v. Sumbangan derma, peralatan dan bantuan makanan daripada pelbagai Yayasan.

PENDEKATAN BAHARU PENGURANGAN RISIKO BENCANA

- 20. Melihat kepada senario bencana mutakhir ini, pengurusan bencana yang bersifat reaktif perlu dirombak kepada usaha proaktif serta penekanan terhadap inisiatif pengurangan risiko bencana (DRR) untuk mengelak ataupun mengurangkan impak bencana.
- 21. Usaha ini bukan sahaja terletak di bahu Kerajaan Pusat, malah Kerajaan Negeri dan pentadbiran di peringkat Daerah mempunyai peranan dan tanggungjawab untuk bersama-sama mengurus dan mengurangkan risiko bencana.
- 22. Lapan (8) langkah strategik NADMA yang telah dipersetujui Mesyuarat JPBP Bilangan 1/2022 pada 3 Februari 2022 perlu diterjemahkan oleh setiap kementerian, agensi dan pentadbiran di peringkat daerah, negeri dan persekutuan kepada dasar, pelan tindakan dan pengoperasian mengikut bidang tanggungjawab masing-masing dan pelaksanaannya dipantau oleh JPBP melalui NADMA secara berkala.
- 23. Dalam mengurangkan risiko bencana, kita tidak boleh menolak peri pentingnya tadbir urus yang berlandaskan DRR dalam perancangan pembangunan, guna tanah, pengurusan air dan penyelenggaraan yang tertakluk di bawah kuasa negeri bagi mengelakkan bencana dari terus berlaku dan memastikan pembangunan yang mampan untuk kesejahteraan rakyat khususnya generasi akan datang. Justeru, perkara ini perlu diberi perhatian serius oleh semua Kerajaan Negeri.
- 24. Secara amnya, YAB Timbalan Perdana Menteri berpuas hati dengan mekanisme pengurusan bencana yang dilihat telah berjalan dengan baik di peringkat daerah dan juga negeri. Mengambil iktibar daripada kejadian banjir sebelum ini, keberkesanan operasi tindakan proaktif dan penyelarasan berkesan daripada JPBN dan JPBD adalah amat penting bagi memastikan tindakan menguruskan bencana dapat dilaksanakan dengan cepat, teratur dan berkesan.
- 25. YAB Timbalan Perdana Menteri berharap Pengerusi JPBN dan JPBD tekal merancang dan melaksanakan penambahbaikan pengurusan dan pengurangan risiko bencana melalui dasar, pelan tindakan, program, serta projek yang bermanfaat dan sesuai dengan risiko bencana di negeri masing-masing.

26. Kerjasama serta komitmen daripada semua pihak yang terlibat, pengurusan dan pengurangan risiko bencana dapat dilaksanakan dengan baik demi kesejahteraan rakyat dan negara.

Kesiapsiagaan Bencana Tanggungjawab Bersama

Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)

13 Disember 2022